



29 May 2019

New Sabah Times Bahasa (KK), Malaysia

Author: No author available • Section: Semasa • Page: 2 • Printed size: 306.00cm<sup>2</sup>

Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Black/white • ASR: MYR 678.00

Item ID: MY0036161522

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 2

# Kementerian arah Suruhanjaya Tenaga siasat peningkatan bil elektrik

**KUALA LUMPUR:** Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim telah mengarahkan Suruhanjaya Tenaga untuk menyiasat peningkatan dalam aduan mengenai bil elektrik yang didakwa meningkat dengan mendadak.

Menterinya, Yeo Bee Yin berkata suruhanjaya itu boleh memulakan prosiding undang-unang terhadap syarikat utiliti nasional, Tenaga Nasional Bhd (TNB) jika ia tidak memenuhi peruntukan di bawah Seksyen 9C Akta Bekalan Elektrik 1990.

Kenyataan itu dibuat susulan laman Facebook TNB Careline dibanjiri dengan aduan pengguna berhubung bil elektrik mereka yang luar biasa tinggi.

Antara lain terdapat aduan pembacaan meter yang salah dan pembacaan meter dilakukan selepas tempoh 30 hari hingga mengakibatkan bil mencapai tahap pembayaran yang lebih tinggi.

Pada Isnin TNB mengeluarkan kenyataan yang meminta orang ramai berurusan terus

dengan Kedai Tenaga berdekatan jika harga bil elektrik mereka naik mendadak.

Sementara itu, Yeo berkata aduan boleh difaiklan dalam talian melalui laman web suruhanjaya berkenaan atau melalui e-mel.

Sementara itu Keuntungan bersih Tenaga Nasional Bhd (TNB) turun sebanyak 27 peratus tahun ke tujuh kepada RM1.56 billion pada suku pertama berakhir 31 Mac, 2019, disebabkan kerugian bersih rosot nilai instrumen kewangan sebanyak RM279.7 juta dan perbelanjaan cukai lebih tinggi sebanyak 85 peratus.

Sebaliknya, hasil meningkat kepada RM13.24 billion berbanding RM12.27 billion sebelum ini, sebahagian besarnya dipacu peningkatan lapan peratus jualan elektrik kumpulan kepada RM13.01 billion, katanya dalam makluman kepada Bursa Malaysia kelmarin.

Pendapatan asas utiliti tenaga itu merosot kepada 27.38 sen daripada 37.41 sen pada tahun sebelumnya.

TNB berkata prestasi kumpulan itu di-

jangka kekal stabil bagi tahun kewangan ini berdasarkan unjuran ekonomi.

"Pertumbuhan ekonomi" Malaysia adalah sederhana pada 4.5 peratus pada suku pertama 2019 (suku keempat 2018: 4.7 peratus) di-dorong kebanyakannya oleh pengembangan permintaan domestik.

"Bagi tahun 2019, pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka terus berada pada kedudukan stabil disokong oleh langkah monetari oleh Bank Negara dan pengembangan berterusan dalam permintaan domestik," katanya.

Dalam kenyataan akhbar, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB Amir Hamzah berkata berdasarkan iklim ekonomi semasa, kumpulan itu memberi tumpuan kepada usaha memperkuuh perniagaan dan kedudukannya di negara-negara ia beroperasi dengan mengambil pendirian berhemat berhubung pelaburan dan memastikan model perniagaan di negara-negera adalah mantap.

"TNB telah mencatatkan sejumlah besar

rosot nilai dan sedang meneroka pilihan melindungi nilai bagi mengurangkan kerugian tukaran asing sebagai sebahagian daripada rancangan-nya untuk mengurangkan kesan kewangan akibat daripada pelaburan," katanya.

Secara spesifik, permintaan elektrik di Turki dijangka meningkat dan portfolio aset yang dimiliki oleh Gamal Enerji AS adalah satu yang menguntungkan kerana kualiti loji penjanaan dan konsesi air, katanya.

Walaupun menghadapi cabaran kewangan, pasukan pelaburan strategik TNB menjangka pulangan pelaburan jangka panjang yang positif.

Mengenai pelaburan di India, beliau berkata ia telah menunjukkan potensi untuk berkembang kerana penggunaan tenaga elektrik di negara ini dijangka meningkat.

"Negara itu juga membuka pintu kepada projek kuasa baru dan akan datang untuk menampung jumlah permintaan tenaga yang besar di sana," katanya.



29 May 2019

New Sabah Times Bahasa (KK), Malaysia

Author: No author available • Section: Semasa • Page: 2 • Printed size: 306.00cm<sup>2</sup>

Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Black/white • ASR: MYR 678.00

Item ID: MY0036161522

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2

## SUMMARIES

KUALA LUMPUR: Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim telah mengarahkan Suruhanjaya Tenaga untuk menyiasat peningkatan dalam aduan mengenai bil elektrik yang didakwa meningkat dengan mendadak. Menterinya, Yeo Bee Yin berkata suruhanjaya itu boleh memulakan prosiding undang-undang terhadap syarikat utiliti nasional, Tenaga Nasional Bhd (TNB) jika ia tidak memenuhi peruntukan di bawah Seksyen 9C Akta Bekalan Elektrik 1990.